

Pemuda Umno anjur rapat umum bantah Russia

KUALA LUMPUR, Selasa - Pergerakan Pemuda Umno dijangka mengadakan tunjuk perasaan atau rapat umum sebagai membantah ugutan Russia kepada Asean berkaitan dengan pencerobohan tentera Vietnam di sempadan Kampuchea/Thai.

Perkara itu adalah antara isu yang dibincangkan dalam mesyuarat tergepar Exco pergerakan itu di sini pagi ini.

Mesyuarat itu dipengerusikan oleh Ketua Pemuda, Encik Anwar Ibrahim. Mereka yang hadir termasuklah Encik Nazri Aziz, Encik Hussein Mahmood, Encik Tamrin Ghafar, Encik Mazlan Idris, Encik Mazlan Harun dan anggota-anggota Jawatankuasa Perhubungan Pemuda Umno Selangor dan Wilayah Persekutuan.

Encik Anwar enggan menjelaskan keputusan yang diambil dalam mesyuarat dua jam itu.

Berikrar

"Pada prinsipnya, keputusan telah dibuat tetapi kita akan bermesyuarat lagi untuk meneliti perkembangan selanjutnya," kata beliau.

Anggota-anggota Exco itu petang ini mengunjungi Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam, untuk menegaskan pendirian mereka mengenai masalah itu.

Dalam perjumpaan itu, pergerakan itu berikrar berdiri teguh di belakang kerajaan dan bersedia bertindak demi kepentingan negara.

Ketua Perhubungan Pemuda Umno Wilayah Persekutuan, Encik Said Akob menegaskan, ugutan Russia dan Vietnam

akan memberi bantuan senjata kepada pergerakan komunis di rantau ini dipandang berat.

Beliau menyeru kerajaan mengkaji semula hubungan diplomatik dengan Russia serta Vietnam kerana kenyataan yang kurang wajar itu.

Setiausaha Perhubungan Pemuda Umno Selangor, Encik Salamon

Selamat, juga mengecam hebat kenyataan Russia yang dikalakan tidak menghormati kedaulatan serta kemerdekaan negara-negara rantau ini.

Beliau menambah, ugutan itu tidak boleh dipandang ringan kerana sebagai sebuah negara besar, Russia mampu berbuat demikian.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia